

# Henti kongsi duit minyak

Penduduk Orang Asli bersyukur rumah ada bekalan elektrik selepas 20 tahun guna generator



KULOH (tengah) bersama masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Teras, semalam.

Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
am@hmetro.com.my

**Slim River**

**S**aya rasa gembira hingga menitiskan air mata melihat rumah sudah ada bekalan elektrik selepas lebih 20 tahun bergantung dengan generator," kata penduduk Kampung Orang Asli Kampung Sungai Teras, di sini, Ina Yok Kahar, 43.

Ibu tunggal empat anak itu berkata, rumahnya mula menerima bekalan elektrik pada Ahad lalu dan menyifatkan sebagai khabar paling gembira selepas lebih dua dekad tinggal di kampung berkenaan.

Menurutnya, dia bersyukur masalah pendawaian elektrik yang tertangguh 22 bulan lalu sudah diselesaikan.



*Saya mahu beli periuk nasi elektrik dan peti ais supaya boleh simpan bekalan ikan dan ayam untuk seminggu"*

Ina

kan dan mereka kini menerima bekalan tenaga itu.

"Sebelum ini kami bergantung dengan generator dan mengutip antara RM2 hingga RM4 dengan beberapa rumah lain untuk berkongsi kos minyak generator.

"Selepas ini kami sudah tidak perlu berkongsi lagi dan saya mahu beli periuk nasi elektrik dan peti ais supaya boleh simpan bekalan ikan dan ayam untuk seminggu," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Slim, Tommy Yok Selap, 14, berkata, dia kini tidak perlu risau mengulang kaji pelajaran pada waktu malam.

"Kebiasaannya generator akan dimatikan pada jam 1 pagi dan kadang-kadang lebih awal iaitu jam 11 malam kerana mahu berjimat.

"Bekalan elektrik membantu kami melakukan aktiviti harian dan lebih memudahkan saya ulang kaji pada waktu malam, malah lebih seronok apabila ada kipas," katanya yang bercita-cita menjadi anggota bomba.

Sementara itu, Tok Batin Kuloh Bah Rinteh, 62, berkata, dia bersyukur kerana penantian penduduk kampung untuk mendapatkan bekalan elektrik sudah tercapai.

"Ketika ini 27 rumah su-

dah ada bekalan elektrik, manakala 17 lagi rumah belum mendapat bekalan itu kerana rumah jenis lama yang memerlukan pendawaian baharu.

"Rumah saya sendiri belum ada elektrik, tetapi saya gembira melihat rumah anak buah sudah ada bekalan tenaga itu.

"Justeru, saya berharap masalah bekalan elektrik di rumah lain dapat diselesaikan termasuklah masalah bekalan air kami," katanya.

Katanya, dia amat berterima kasih kepada kerajaan serta media yang melaporkan masalah mereka.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan selain dibelenggu masalah air, kampung berkenaan juga tiada bekalan elektrik biarpun memiliki tiang elektrik dan sepatutnya menerima utiliti itu pada 2018.